

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

6 korban, 629 kes baharu

Majoriti kematian babit warga emas mempunyai penyakit kronik

Oleh Suhael Adnan dan Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Enam kematian akibat COVID-19 dengan 629 kes baharu direkodkan semalam, manakala Sabah terus kekal mencatatkan angka tertinggi.

Pertambahan kes harian itu menjadikan rekod keseluruhan 176 kematian sehingga kini, selain jumlah kumulatif 18,758 kes positif COVID-19 dengan keseluruhan 6,323 kes aktif.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata lima daripada kes kematian direkodkan di Sabah, kecuali satu iaitu kes kematian ke-176 membabitkan seorang lelaki dilaporkan di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM)

di Petaling Jaya.

Beliau berkata, tiga lagi kematian direkodkan di Hospital Queen Elizabeth di Kota Kinabalu membabitkan dua lelaki (kes ke-171 dan ke-175) dan seorang wanita berusia 74 tahun (kes ke-174).

Baki dua lagi kematian, katanya, iaitu kes ke-172 membabitkan seorang lelaki berusia 72 tahun yang meninggal dunia di Hospital Duchess of Kent di Sandakan dan kes ke-173 seorang lelaki berusia 39 tahun di Hospital Semporna.

Majoriti yang meninggal dunia adalah warga emas dan disahkan mempunyai latar belakang penyakit kronik, antaranya darah tinggi, kencing manis, buah pinggang atau strok.

Mengenai kes baharu COVID-19 dilaporkan semalam, Dr Noor Hisham berkata, 627 adalah membabitkan penularan tempatan, manakala dua lagi adalah kes import yang mendapat jangkitan luar negara.

Pertambahan itu menjadikan jumlah kumulatif 18,758 kes COVID-19 di negara ini dengan 6,323 kes aktif.

"Sabah kekal mencatatkan angka tertinggi, iaitu 489 kes ba-

haru bersamaan 77.7 peratus daripada jumlah kes baharu.

"Selangor pula mencatatkan 50 kes baharu diikuti Pulau Pinang (33), Labuan (19), Kuala Lumpur (10) dan Perak (9)," katanya pada sidang media harian COVID-19, semalam.

Beliau berkata, 38 kes atau enam peratus daripada jumlah kes baharu dilaporkan semalam adalah daripada kluster dalam penjara termasuk Kluster Tembok, Kluster Penjara Reman dan Kluster Penjara Seberang Perai yang semuanya terasing dengan masyarakat.

Sementara itu, beliau memaklumkan sehingga jam 12 tengah hari semalam, 245 kes sembuh dilaporkan menjadikan jumlah kumulatif 12,259 kes pulih di negara ini atau 65.4 peratus daripada keseluruhan kes.

Dr Noor Hisham berkata, tiga kluster baharu dikesan iaitu masing-masing satu di Perak, Kedah dan Selangor.

Katanya, Kuster Lekir dikesan di Manjung, Perak sehingga kini menjangkiti enam individu, dengan kes indeks dikenal pasti positif COVID-19 hasil saringan individu bergejala pada 14 Oktober

lalu, sebelum dimasukkan ke Hospital Raja Permaisuri Bainun di Ipoh untuk rawatan lanjut.

Kluster Buntar pula membabitkan daerah Kuala Muda di Kedah, Kerian di Perak dan Wilayah Persekutuan Putrajaya, sehingga kini sudah menjangkiti lapan individu.

Kes indeks bagi kluster ini dikesan positif hasil saringan individu bergejala kelmarin, dan dimasukkan ke Hospital Sultanah Bahiyah di Kedah untuk rawatan lanjut.

"Sehingga jam 12 tengah hari ini (semalam), seramai 61 individu disaring dan lapan dikesan positif, manakala 43 lagi masih menunggu keputusan," katanya.

Kluster Merbok pula dikesan di daerah Kuala Langat, Klang, Kuala Selangor dan Petaling, dengan kes indeks dikesan positif hasil saringan individu bergejala pada 9 Oktober lalu dan dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh untuk tindakan lanjut.

"Sehingga jam 12 tengah hari ini (semalam), 270 individu sudah disaring dengan sembilan kes disahkan positif dan 261 individu lagi masih menunggu keputusan," katanya.

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA

21 kluster aktif catat pertambahan pesakit, Sabah kekal kes tertinggi

Enam kematian direkod semalam

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA – Sebanyak 629 kes harian semalam disumbangkan daripada 21 kluster aktif termasuk tiga kluster baharu dengan pertambahan enam kematian.


Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, Sabah kekal mencatatkan kes tertinggi dengan 489 kes direkodkan iaitu bersamaan 77.7 peratus daripada jumlah keseluruhan kes baharu semalam.

Beliau berkata, negeri-negeri di Lembah Klang pula merangkumi 9.5 peratus daripada jumlah keseluruhan kes, iaitu Selangor dengan 50 kes, Kuala Lumpur (lapan) dan Putrajaya (dua).

Ménurutnya, kluster baharu yang menyumbang kepada kes harian semalam ialah Kluster Lekir melibatkan daerah Manjung, Perak selepas kes indeks dikesan positif Covid-19 hasil saringan bergejala pada 14 Oktober dan telah dimasukkan ke Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh.

"Berikutan itu, lima lagi kes positif dikenal pasti hasil saringan ke atas 144 individu manakala, 136 lagi masih menunggu keputusan," katanya pada sidang akhbar secara langsung di Facebook Kementerian Kesihatan semalam.

Beliau berkata, Kluster Buntar melibatkan daerah Kuala Muda di Kedah, Kerian di Perak dan Putrajaya dengan kes indeks wanita berusia 49 tahun yang positif hasil saringan bergejala pada 9 Oktober.



AHLI Jawatankuasa Masjid India Muslim Tengku Kelana, Klang menunaikan solat Zuhur dan solat hajat mengikut prosedur operasi standard yang ditetapkan kerajaan. – ZULFADHLI ZAKI

Oktober dan dimasukkan Hospital Sultanah Bahiyah, Kedah.

Katanya, susulan itu, sebanyak tujuh lagi kes positif dikenal pasti hasil saringan terhadap 51 individu, manakala 43 individu masih menunggu keputusan.

"Kluster Merbok pula melibatkan daerah Kuala Langat, Klang, Kuala Selangor dan Petaling di Selangor iaitu kes indeks wanita berusia 49 tahun yang positif hasil saringan bergejala pada 9 Oktober.

"Wanita itu dimasukkan ke

Hospital Sungai Buloh dan lapan lagi dikenal pasti positif hasil saringan terhadap 270 individu dengan 261 individu daripadanya masih menunggu keputusan," katanya.

Noor Hisham berkata, daripada jumlah kes dilaporkan semalam, 16 kes adalah pengunjung yang pulang dari Sabah menjadikan jumlah kes dilaporkan mempunyai sejarah perjalanan ke Sabah sejak 20 September adalah sebanyak 437 kes.

Beliau berkata, sebanyak 18

lagi kluster yang menunjukkan peningkatan kes semalam ialah Kluster Ramai-Ramai (39), Penjara Reman (27), Kasih (11), Benteng LD dan Bah Bundle (masing-masing sembilan) dan Tembok (enam).

"Kluster lain iaitu Tujuh Serangkai dan Penjara Seberang Perai (masing-masing lima) manakala, Utama, Jalan Meru, Bestari (masing-masing tiga).

"Dalam masa sama, Kluster Simera dan Khazanah (masing-masing dua) manakala masing-masing satu kes bagi Sungei Way,



Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
- Kes baharu	629
Import: 2 Tempatan: 627	
- Pullih	245
- Kematian	6
- Masih dirawat	5,323
- Jumlah kes sembuh	12,259
- Jumlah Kematian	176
Jumlah kes keseluruhan	18,758

Bah Manggis, Tanamera, Selasih dan Kau Sing," katanya.

Berhubung kes kematian, Noor Hisham berkata, lima daripadanya dilaporkan di Sabah melibatkan warga Malaysia, manakala satu kematian membabitkan warga asing di Kuala Lumpur.

Dalam pada itu, ujar beliau, sebanyak 75 peratus pesakit Covid-19 didapati positif pada hari pertama menjalani perintah pengawasan dan pemerhatian di rumah (HSO).

"Baki 25 peratus lagi didapati positif Covid-19 pada hari ke-13 sekali gus menunjukkan bahawa masih terdapat risiko untuk dikesan positif pada hari-hari terakhir kuarantin bagi pesakit bawah HSO," tambahnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Kes positif Covid-19 meningkat kepada 18,758 dengan 6,323 kes kebolehjangkitan

6 kematian, 629 kes baharu

Oleh **TUAN BUQHAIRAH**
TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC) menerima enam laporan kes kematian berkaitan Covid-19 di hospital di Sabah dan Pusat Perubatan Universiti Malaya, Kuala Lumpur semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, jumlah kumulatif kes kematian adalah sebanyak 176 kes.

"Ia bersamaan 0.9 peratus daripada jumlah keseluruhan kes," katanya pada sidang media

secara maya menerusi Facebook Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di sini semalam.

Katanya, kes kematian ke-171 hingga 176 melibatkan seorang wanita dan lima lelaki berumur 36 hingga 74 tahun.

"Kesemua mereka mempunyai latar belakang penyakit lain seperti kencing manis, buah pinggang, jantung dan strok," kata beliau.

Dr Noor Hisham berkata, KKM turut merekodkan 629 kes baharu positif Covid-19 semalam.

"Ini menjadikan jumlah kes positif Covid-19 adalah 18,758 kes dengan jumlah kes kebolehjangkitan 6,323," katanya.

Menurutnya, sebanyak dua kes import baharu dikesan men-



DR NOOR HISHAM

dapat jangkitan daripada luar negara.

Memperincikan 627 kes penularan dalam negara, beliau berkata, Sabah terus mencatatkan jumlah kes tertinggi iaitu 489 kes.

"Ia berikutan lebih banyak keputusan makmal telah diperoleh," katanya.

Selain itu, beliau berkata, kawasan Lembah Klang pula merangkumi 9.5 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

"Selangor mencatat 50 kes, Kuala Lumpur lapan kes dan Putrajaya dua kes," katanya.

Beliau berkata, sebanyak 38 kes semalam terdiri daripada Kluster Tembok, Kluster Penjara Reman dan Kluster Penjara Seberang Perai.

"Kes-kes ini sememangnya

Tiga kluster baharu di empat negeri

PUTRAJAYA - Sebanyak tiga lagi kluster baharu Covid-19 dikesan di Perak, Kedah, Putrajaya dan Selangor.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kluster berkenaan digelar sebagai Kluster Lekir, Buntar dan Merbok.

"Kluster Lekir melibatkan daerah Manjung, Perak," katanya pada sidang media secara maya menerusi Facebook Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di sini semalam.

terasing di dalam penjara," katanya.

Beliau berkata, Perak merekodkan sembilan kes, selain


Dr Noor Hisham berkata, Kluster Buntar melibatkan kawasan Kuala Muda, Kedah; Kerian, Perak dan Putrajaya.

"Kes indeks bagi kluster ini iaitu kes ke-18,035 telah dikenal dalam saringan individu bergejala pada 15 Oktober dan telah dimasukkan ke Hospital Sultanah Bahiyah, Kedah.

"Bagi Kluster Merbok, ia melibatkan daerah Kuala Langat, Klang, Kuala Selangor dan Petaling," katanya.

Kedah (tujuh), Johor (lima), Labuan (19) dan masing-masing satu di Negeri Sembilan dan Pahang.

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEWS/STORY OF THE DAY

6,323 ACTIVE CASES

629 NEW CASES REPORTED

489 cases recorded in Sabah, prompting Health D-G to describe situation in state as a crisis

VEENA BABULAL
 AND TEH ATHIRA YUSOF
 KUALA LUMPUR
 news@nst.com.my

MALAYSIA'S pandemic situation shows no signs of abating with 629 new cases recorded yesterday, bringing the cumulative number of active cases to 6,323.

Sabah remains the largest contributor of new cases with 498, which led Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah to describe the situation in the state as "a crisis".

From Sunday to yesterday, Malaysia recorded 3,662 new cases, 67 per cent of which came from Sabah.

Dr Noor Hisham said from the total new cases, 627 were local transmissions comprising 577 Malaysians and 50 foreigners.

The two imported cases involved Malaysians who returned from New Zealand and Singapore.

Selangor registered the second highest number of local transmissions at 50, followed by Penang (33), Labuan (19), Perak (nine), Kuala Lumpur (eight), Kedah (seven), Johor (five), Melaka (three) and Putrajaya (two), while Negri Sembilan and Pahang recorded one new case each.



Health officers on their way to conduct mass Covid-19 testing in Labuan yesterday. BERNAMA PIC

Six deaths were reported yesterday, bringing the overall death toll to 176.

The latest deaths involve five Malaysians in Sabah while the sixth case involved a foreigner in Kuala Lumpur.

All the patients had underlying health issues.

Dr Noor Hisham described the pandemic situation in Sabah as a "crisis" given the steady increase in the number of Covid-19 cases.

This, he said, was why the Health Ministry had called for additional volunteers to help existing personnel in the state to

tackle the pandemic.

He said under normal circumstances, the ministry's human resources would be sufficient.

"We are now in a crisis. We are in a crisis in Sabah due to the daily increase in cases.

"We also have 19 quarantine and low-risk treatment centres for stages one and two cases. We need additional human resources for the centres and medical activities to be conducted on the field."

He said to date, 492 medical personnel and 52 public health officers had been mobilised in-

ternally in Sabah over the past month.

Up to Wednesday, 175 medical and 48 public health personnel had also been mobilised from other states.

He said 767 officers from various categories and states had been deployed to Sabah to assist in efforts to battle the pandemic.

Dr Noor Hisham was responding to questions on whether the ministry was strapped for manpower after calling for volunteers to help it address the pandemic crisis.

"This is the time that non-governmental organisations can come forward and help us, especially at quarantine and low-risk treatment centres as well as on the field.

"This is a war that we are facing. And what is certain is that we have to break the chain of transmissions in Sabah, and then generally in the peninsula."

He also announced the emergence of three new Covid-19 clusters in Perak, Kedah, Putrajaya and Selangor.

The first cluster, the Lekir cluster, involved the Manjung district in Perak and had six positive cases yesterday.

The second cluster, the Buntar cluster, had seven cases from Kuala Muda in Kedah, Kerian in Perak and Putrajaya.

The final cluster, the Merbok cluster, involved an index case (Case 17,983) who tested positive after symptomatic screening on Oct 9.

The cluster was identified in Kuala Langat, Klang, Kuala Selangor and Petaling in Selangor.

Close contact tracing produced eight more positive cases.

On active clusters, Dr Noor Hisham said the Ramai-Ramai cluster in Sabah recorded 39 new cases, Penjara Reman cluster in Penang (27) and Kasih cluster in Sabah (11).

The Utama cluster in Selangor saw three new cases, including two in Melaka yesterday, bringing the total of new cases to 135.

A total of 245 recoveries were registered yesterday, bringing the total recoveries in the country to 12,259.

Sabah recorded the highest number of recoveries at 106 followed by Selangor (59) and Kedah (53).

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NATION

Health DG's call for volunteers receives positive feedback

By JUNAID IBRAHIM
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: Malaysians are answering the call by Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah to step up to help frontliners battle the third wave of Covid-19.

The Health director-general's call over Facebook has so far generated 1,000 comments and 6,100 shares.

The same post was tweeted and garnered almost 3,000 retweets yesterday.

Besides the positive feedback, many asked how they could become frontliners or assist those who were exhausted.

Those responding included those with no related experience.

School-leaver Ajira Hakim said he wanted to help medical frontliners.

"I am 18 years old, can I volunteer too as I am aware that MOH needs more manpower to handle the pandemic. If it's possible, I am willing to offer my help to take care of Malaysians' well-being," he said on Facebook.

Teacher Hanzalah Zullkeflee noted he had more time since his school was closed and teaching was through online distance learning.

"I hope that I can serve and help," he said.

Another user, Sitiameh Ruman, also gave a thumbs up to all those volunteering and said they were welcome to come to Sabah which had rising numbers of Covid-19 cases.

Nadraja Gopala Krishnan noted he did not have the relevant background but still wanted to do what he could.

"Tan Sri, I am not from a science or medic background is there any chance (for me) to be a part of volunteering? Maybe I can help with manpower," he said.

Others suggested the ministry recruit nursing students who could use the experience as part of their training.

Po Din, another user, noted at least these students would benefit from the hands-on experience.

A Twitter user, who claimed to be a former nurse, said she would gladly take up contract positions.

However, some people said the government should step in to create more paid job opportunities instead of asking for volunteers.